

## Peraturan Dan Syarat-Syarat Pertandingan

### 1. Nama

- Pertandingan ini dinamakan “**KEJOHANAN BOLASEPAK SUKAN KOMUNITI PIALA YANG DIPERTUA MDKP 2009**“. Pertandingan ini akan diadakan pada 13.11 2009 sehingga selesai bertempat di Padang Stadium Mini, Jitra, dan Stadium Mini Kompleks Pertadbiran Daerah Kubang Pasu, Jitra Kedah Darul Aman.

### 2. Undang-Undang Pertandingan

- Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan FIFA, FAM yang berkuatkuasa kini dan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan
- Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan adalah “**MUKTAMAD**”..

### 3. Penyertaan

- Penyertaan adalah terbuka kepada semua Pasukan, Jabatan atau Kelab-Kelab yang berada didalam **Daerah Kubang Pasu** sahaja.
- Pasukan daripada Pihak Berkuasa Tempatan ( PBT ) Negeri Kedah adalah dijemput menyertai.
- Penyertaan adalah terhad untuk **32 pasukan** sahaja
- Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 350.00 sahaja bagi setiap pasukan dan hendaklah dikemukakan bersama-sama borang pendaftaran penyertaan.
- Setiap pasukan juga akan dikenakan wang deposit sebanyak RM 50.00 sahaja. Wang ini akan dikembalikan selepas semua perlawanan yang melibatkan pasukan terlibat selesai. Pasukan yang gagal bermain dalam mana-mana perlawanan yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah pada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan dikenakan denda dan disenaraihitamkan untuk siri pertandingan yang akan datang (Wang deposit tidak akan dikembalikan).

- Setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan 6 orang Pegawai dan 20 orang pemain sahaja.
- Bayaran boleh dibuat secara tunai atau cek atas nama “ **KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MAJLIS DAERAH KUBANG PASU** “

#### 4. Kelayakan Pemain

- Warganegara Malaysia sahaja.
- Permastautin tetap atau berkerja untuk Jabatan dalam Daerah Kubang Pasu sahaja kecuali Pasukan Pihak Berkuasa ( PBT ) Tempatan Negeri Kedah.
- Seorang pemain hanya dibenarkan untuk berdaftar dan boleh bermain untuk satu pasukan sahaja
- Pemain-pemain yang bermain di dalam TM Liga Malaysia tahun 2009 adalah tidak dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.
- **TM Liga Malaysia adalah merangkumi:-**
  - Piala Malaysia
  - Piala FA
  - Liga Super
  - Liga Perdana
  - Piala Presiden
- Setiap pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) keping gambar berukuran pasport, satu (1) salinan kad pengenalan dalam kertas saiz A4 bagi setiap pemain bersama dengan Borang Pendaftaran Pemain. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemain berkenaan tidak akan didaftarkan bersama pasukan berkenaan.
- Setiap pemain akan disediakan satu lesen pemain yang perlu diserahkan kepada pegawai pertandingan pada setiap perlawanan. Pemain yang tiada lesen pemain adalah tidak dibenarkan bermain.
- Sebarang pertukaran pemain dari senarai pemain yang didaftarkan bolehlah dibuat pada bila-bila masa dan hanya akan dibenarkan bermain selepas lesen pemain dikeluarkan. Yuran sebanyak RM 50.00 akan dikenakan untuk setiap satu pertukaran. Tempoh penyediaan lesen pemain yang baru didaftarkan ialah 7 hari bekerja dari tarikh pendaftaran. Lesen pemain lama

yang ditukar hendaklah dikembalikan kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.

## 5. Format Pertandingan

- Pertandingan akan dijalankan secara liga untuk pusingan awal dan kalah mati untuk pusingan kedua, suku akhir, separuh akhir, tempat  $\frac{3}{4}$  dan akhir.
- Semua pasukan akan dibahagikan kepada 4 pasukan dalam satu kumpulan.
- Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan layak ke pusingan berikutnya.
- Jika terdapat mata yang sama di dalam menentukan dua pasukan teratas termasuk Johan dan Naib Johan kumpulan maka ianya akan ditentukan melalui:-
  - Perbezaan gol ( gol yang dijaring ditolak dengan gol yang bolos ). Jika masih sama;
  - Jaringan gol terbanyak. Jika masih sama;
  - Keputusan perlawanan di antara pasukan yang terlibat. Jika masih sama;
  - Perlawanan "Play Off" diadakan.

## 6. Jangkamasa Pertandingan

- Masa bermain ialah 40 minit bagi separuh masa pertama dan 40 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit.
- Bagi pusingan awal tiga mata hendaklah diberi untuk keputusan menang, satu mata untuk keputusan seri dan tiada mata untuk keputusan yang kalah. Sekiranya mana-mana pasukan yang gagal bermain dalam sesuatu perlawanan kerana melapor diri lewat 15 minit selepas waktu sepak mula yang diisytiharkan atau tidak hadir, maka pasukan lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan tiga mata dan dua jaringan gol (pusingan awal). Jika terdapat mana-mana pasukan menarik diri daripada mengambil bahagian di dalam siri pertandingan ini dengan apa jua sebab pun, mata dan jaringan gol yang masuk atau kena dalam semua perlawanan yang dimainkan olehnya tidaklah diambil kira.
- Bagi pusingan kalah mati, jika perlawanan berkesudahan dengan keputusan seri selepas cukup masa sebenarnya, maka masa tambahan akan diberi. Tempoh tambahan masa ialah 15 minit untuk tiap-tiap separuh masa
- Jika keputusan masih seri, 5 tendangan dari tanda penalty akan dilaksanakan diikuti tendangan dari tanda penalty secara "Sudden Death" akan diteruskan jika keadaan masih

terikat sehingga keputusan tercapai..

#### **7. Waktu Bermula Sesuatu Perlawanan**

- Waktu sepak mula sesuatu perlawanan ialah pada pukul 4:45 petang.
- Sekurang-kurangnya lima belas (15) minit sebelum bermulanya perlawanan, tiap-tiap pasukan hendaklah mengemukakan senarai nama pemain kepada pengadil / pegawai yang bertugas pada perlawanan tersebut dalam borang yang ditetapkan. Lesen pemain hendaklah disertakan bersama. Jika gagal berbuat demikian, pemain berkenaan tidak akan dibenarkan bermain dalam perlawanan tersebut.
- Lima belas (15) minit akan diberi untuk masa kelewatan. Jika selepas itu sesuatu pasukan tidak hadir dengan sekurang-kurangnya 9 orang pemain, maka pasukan itu dikira memberikan kemenangan percuma kepada lawannya.

#### **8. Perlawanan Yang Ditunda Atau Diberhentikan**

- Sekiranya pandangan atau pengadil berpendapat bahawa padang permainan tidak sesuai untuk digunakan bermain disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan atau perlawanan diberhentikan akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan tersebut akan dimainkan semula pada satu tarikh yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan
- Jawatankuasa Pertandingan berhak meminda jadual, tarikh dan masa perlawanan sekiranya difikirkan perlu.
- Penundaan perlawanan adalah tidak dibenarkan.

#### **9. Tendangan Dari Tanda Penalti**

- Tendangan dari tanda penalti jika diberikan hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Antarabangsa.

#### **10. Penggantian Pemain**

- Tidak lebih dari lima (5) orang pemain boleh diganti untuk sesuatu perlawanan termasuk pada masa tambahan.

- Mana-mana pemain yang kena ganti tidak boleh bermain lagi dalam perlawanan tersebut termasuk pengambilan tendangan dari tanda penalti.

#### **11. Warna Pasukan**

- Setiap pasukan hendaklah mengisytiharkan warna utama pasukannya kepada pengelola pertandingan. Sekiranya terdapat persamaan warna jersi dan dengan syarat pasukan tuan rumah memakai warna sebagaimana yang mereka isytiharkan, maka pasukan pelawat hendaklah menukar warna jersi mereka. Sekiranya pasukan tuan rumah memakai warna jersi lain dari apa yang mereka isytiharkan, maka pasukan tuan rumahlah yang akan menukar jersi mereka. Pasukan yang dinamakan dahulu dianggap sebagai pasukan tuan rumah.
- Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan (arm band) yang nyata kelihatan di kiri jersinya.

#### **12. Tarik Diri Atau Gagal Bermain**

- Sekiranya mana-mana pasukan menarik diri daripada pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Penganjur { Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) } maka pasukan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 100.00 dan boleh dihalang daripada menyertai sebarang pertandingan anjuran MDKP.
- Sekiranya mana-mana pasukan tidak melaporkan diri untuk sesuatu perlawanan, kecuali dalam hal bencana alam dan sebab-sebabnya yang kemudian diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, atau pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang permainan sebelum tamat perlawanan, maka pasukan tersebut dianggap kalah dan kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan. Pasukan tersebut boleh disekat daripada terus mengambil bahagian dalam pertandingan anjuran MDKP.

#### **13. Tindakan Tatatertib**

- Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan akan membincangkan perkara-perkara yang berlaku semasa perlawanan setelah menerima aduan bertulis daripada Pengadil bertugas dan pasukan-pasukan yang terlibat. Pasukan yang membuat aduan dan pengadil bertugas tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan atau undian semasa perkara yang berkenaan sedang dipertimbangkan.

- Mana-mana pemain yang menerima dua (2) amaran (kad kuning) hendaklah dengan sendirinya digantung bermain bagi perlawanan selepas perlawanan yang diterima amaran kedua.
- Mana-mana pemain yang dikenakan perintah keluar padang (kad merah) selepas menerima kad kuning kedua dalam perlawanan yang sama akan digantung secara automatic satu (1) perlawanan kecuali jika Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan memutuskan yang bermesyuarat dalam tempoh 52 jam memutuskan hukuman tambahan patut dikenakan.
- Mana-mana pemain yang diperintah keluar padang (kad merah) dengan sendirinya digantung bermain dua (2) perlawanan berikutnya dan kes itu akan dibawa kepada Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan yang akan bermesyuarat dalam masa 52 jam untuk tindakan selanjutnya dan sebarang keputusan adalah muktamad.

#### **14. Urusan Padang Permainan**

- Padang perlawanan bagi semua peringkat akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.
- Bola untuk setiap perlawanan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.
- Perlawanan akan berlangsung setiap hari mengikut seperti jadual.

#### **15. Pegawai Pertandingan**

- Hanya pengadil yang bertauliah dan berdaftar dengan Persatuan Bolasepak Negeri Kedah Darul Aman dan Persatuan Bolasepak Daerah Kubang Pasu akan dilantik untuk mengadili semua perlawanan dalam pertandingan ini.
- Pengadil bagi setiap perlawanan hendaklah membuat laporan perlawanan dalam borang yang disediakan dan laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dalam tempoh 48 jam setelah tamat setiap perlawanan.

#### **16. Bantahan**

- Bantahan terhadap keputusan atau tidak layaknya pemain mestilah dibuat secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan hendaklah diterima dalam tempoh 48 jam selepas tamatnya perlawanan berkenaan, disertakan dengan bayaran RM

200.00 yang akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.

- Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang dibuat oleh Pengadil di padang permainan.

#### **17. Hadiah-Hadiah Yang Ditawarkan**

- **Piala Pusingan YDP MDKP.**

Johan akan menyimpan piala ini selama 1 bulan dari tarikh diisytiharkan sebagai Johan dan hendaklah diserahkan kembali kepada Pihak Penganjur ( Majlis Daerah Kubang Pasu ) selepas tamat tempoh tersebut. Piala ini adalah hak MDKP

- **Johan**

- Wang Tunai RM 3,000.00
- 1 Piala Iringan (Pusingan)
- Medal ( Pegawai & Pemain )

- **Naib johan**

- Wang Tunai RM 2,000.00
- Medal ( Pegawai & Pemain )

- **Ketiga**

- Wang Tunai RM 1,000.00
- Medal ( Pegawai & Pemain )

- **Keempat**

- Wang Tunai RM 700.00
- Medal ( Pegawai & Pemain )

- **Penjaring Terbanyak (Kasut Emas)**

- Cenderahati

- **Pemain Terbaik Akhir**

- 1 Biji Bolasepak
- Cenderahati

## 18. Pendaftaran

- Borang pendaftaran boleh didapati di Kaunter Awam Majlis Daerah Kubang Pasu / Local Agenda 21 /.
- Tarikh Tutup pendaftaran ialah pada jam **5.00 petang, 25.10.2009**
- **Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi Pegawai berikut:-**
  - Irwan bin Rashidi = **019 4161414**
  - Mohd Khairul Aswad bin Zulkifly = **019 5467664**
  - Shahril Husaini bin Sulaiman = **017 4083183**

**Tel (P) : 04-9183300 , Fax : 04-9174057**

## 19. Taklimat Pengurus Pasukan

- Undian dan taklimat pengurus pasukan akan diadakan pada:-

**Tarikh :** 5.11.2009

**Masa :** 3.00 petang

**Tempat :** Dewan Wawasan Jitra,

06000, Jitra.

Kedah Darul Aman

## 20. Tarikh Pertandingan

- Pertandingan ini akan dimulakan pada **13.11. 2009.**

## 21. Etika Permainan

- Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecederaan sebelum, semasa atau selepas pertandingan. Pihak penganjur juga tidak bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda semasa pertandingan dijalankan.
- Pengurus dan pegawai bagi sesuatu pasukan adalah bertanggungjawab memastikan tiap-tiap pegawai dan pemain-pemainnya termasuk penyokong-penyokong yang diketuainya berpegang pada etika dan tingkahlaku yang dihormati berdasarkan semangat sukan yang

tulin.

- Tertakluk kepada MDKP, Jawatankuasa Pengelola Pertandingan boleh mengambil sebarang tindakan yang bersesuaian terhadap mana-mana pasukan, pegawai-pegawai atau pemain-pemainnya yang bertindak tidak mengikut etika pertandingan atau objektif pertandingan ini keseluruhannya, dan tindakan ini mungkin meliputi hal-hal seperti penggantungan mana-mana pasukan, pemain-pemain atau pegawai-pegawai dari apa-apa penglibatan bagi sebarang jangkamasa yang ditimbang sesuai. Sebarang penipuan dalam hal pendaftaran pemain atau dengan sengaja tidak hadir bagi satu-satu perlawanan atau bersikap tidak sopan terhadap seseorang pemain atau pegawai-pegawai yang bertugas atau bertindak keluar padang kerana memprotes keputusan pengadil dan permainan adalah antara perbuatan-perbuatan yang harus dianggap bertentangan dengan etika pertandingan yang sepatutnya diamal.

## **22. Hal-Hal Yang Tidak Diperuntukkan**

- Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini dan segala taksiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan yang keputusannya adalah muktamad, kecuali diputuskan selainnya oleh MDKP.

## **23. Penganjur**

- Badan Kebajikan dan Rekreasi Majlis Daerah Kubang Pasu.

**Disediakan oleh :-**

Mohd Khairul Aswad b. Zulkifly.